

27 APR 2003

Zainudin-Economist

THE ECONOMIST HILANG MORAL DAN KREDIBILITI, KATA DATUK ZAM

KUCHING, 27 April (Bernama) -- Rakyat Malaysia tidak seharusnya bimbang dengan cemuhan majalah "The Economist" terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana majalah itu telah pun hilang moral dan kredibilitinya sebagai suara demokrasi British, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin hari ini.

"Imej majalah ini tercemar setelah bersekongkol dengan majalah-majalah berita mingguan Amerika dalam menghalalkan pencerobohan kuasa besar terhadap Iraq," katanya kepada pemberita selepas melawat daerah Serikin di sini.

Beliau berkata imej majalah itu terjejas bukan sahaja di kalangan generasi muda Malaysia tetapi juga di kalangan generasi tua yang selama ini menghormati dan menyanjung kesopanan dan keperibadian serta toleransi British.

"Adalah sangat dikesalkan majalah ini telah menjatuhkan imejnya sehingga menyamai taraf majalah-majalah mingguan berita Amerika seperti "Newsweek" dan "Times", katanya.

Zainudin berkata kebanyakan orang menjadi sinis apabila media British dan Amerika bersuara tentang kebebasan dan demokrasi sedangkan wajah mereka berlumuran dengan darah pembunuhan kemanusiaan dan ketamadunan demokrasi.

"Adalah sangat wajar bagi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyuarakan tuntutan kepada "The Economist" supaya memohon maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."

"Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mungkin memikirkan tentang imej British sendiri yang tercemar kerana ketidakadilan majalah itu dan dengan permohonan maaf itu akan dapat memisahkan antara imej rakyat British dan majalah itu sendiri.

Pada 5 April lepas, "The Economist" menyiarkan rencana bertajuk "The Changing of The Guard: A Survey of Malaysia", yang seolah-olah menidakkan dasar dan program yang telah dijalankan oleh kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

NBB KHY LAT